

# **REKA CORAK BATIK KONTEMPORARI BERINSPIRASIKAN SARUNG PELIKAT**

**Nur Shaliza Sapiai**

*Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan  
nurshaliza@uitm.edu.my*

**Junaidi Awang, Roslina Abu Bakar, Firdaus Abdul Rahman, Aida Abdul Rahman, Siti Aswani Mohd Ghazali**

*Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan*

**Abstrak:** Sarung pelikat atau kain pelikat adalah pakaian yang amat sinonim dengan kaum lelaki Melayu dan kain ini telah dipakai secara meluas sejak zaman Kesultanan Melaka lagi iaitu sekitar abad ke 15. Ia dipercayai berasal dari India dan masuk ke negara ini bersama-sama adat dan agama Hindu sebelum kedatangan Islam atau ketika orang Melayu masih menganuti fahaman animisme. Kain pelikat atau sarung telah diguna masyarakat Melayu di Malaysia sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Menelusuri sejarah perdagangan di Melaka, kain putih yang mendasari bahan asas untuk membuat kain pelikat menjadi bahan dagangan yang utama di Melaka. Justeru, pelikat merupakan warisan sejarah yang sangat berharga. Warisan masyarakat Melayu ini mendominasi perkembangan fesyen tanah air. Kain batik yang bertemakan motif abstrak dirancang berdasarkan beberapa kaedah. Sebagai contoh, motif batik abstrak dihasilkan dengan memfokuskan dua kaedah, iaitu kajian berasaskan rujukan sebelumnya dan kajian lakaran secara visual yang dipraktikkan di studio. Berdasarkan cara pembuatan corak batik sarung pelikat, keunikan warna dan corak kain pelikat telah mencetuskan idea untuk diinspirasiannya di dalam karya batik ini. Ia juga dapat membawa identiti reka corak anak tempatan yang boleh dipasarkan sehingga ke peringkat antarabangsa.

**Kata Kunci:** Batik, batik kontemporari, kain pelikat, sarung pelikat

## **1. Pendahuluan**

Pelikat biasanya dipakai oleh kaum lelaki. Kini, kaum wanita juga memakai kain pelikat untuk dipadankan dengan baju kurung. Malahan, kaum-kaum di Malaysia dan Kepulauan Nusantara menjadikan kain pelikat sebagai pakaian harian di rumah. Hal tersebut sebagaimana kenyataan Saaid (1992) yang menyatakan bahawa kain pelikat gemar dipakai oleh orang Melayu ketika berada di rumah sama ada pada waktu siang atau malam. Kain pelikat mempunyai pelbagai kegunaan, antaranya sebagai kain basahan, iaitu dipakai setiap hari ketika di rumah. Dalam hal ini, ia sudah menjadi tradisi orang Melayu yang lebih gemar memakai kain pelikat. Keunikan kain pelikat dirungkai dalam kajian ini dan berlandaskan dua objektif. Pertama, mengenalpasti kain pelikat sebagai busana Melayu. Kedua, merungkai keunikan reka corak kain batik kontemporari berinspirasi corak daripada sarung pelikat.

### **1.1 Analisis**

Mengikut Hamdan et al. (2020), inovasi dalam reka corak batik di Malaysia khususnya dan di dunia amnya telah berlaku dengan meluas sama ada dari segi reka corak, teknik pembuatan mahupun penghasilan produk. Senario ini berlaku akibat dari perubahan citarasa semasa masyarakat yang menuntut kepada berlakunya inovasi dari segi reka corak agar batik kekal sebagai busana yang relevan diguna pakai selari peredaran masa, sama ada sebagai busana, produk kemasan lembut, hiasan dalaman mahupun produk-produk kraftangan berasaskan batik. Justeru pereka batik masa kini berpeluang memilih apa jua objek yang mempunyai nilai estetik untuk dijadikan sumber inspirasi bagi mengilhamkan corak-corak baharu. Keindahan dan keunikan alami ciptaan Tuhan Yang Maha Kuasa sangat luas untuk diterokai oleh para pereka dan pengkaji atau '*researcher*' yang terdiri daripada inspirasi alam flora dan fauna mahupun sumber dari objek kebudayaan dan warisan setempat, ilham dari landskap atau bangunan, alam sains dan juga teknologi dan sebagainya. Kain pelikat yang merupakan satu jenis tekstil warisan yang dipakai sejak berabad lamanya adalah satu objek yang penuh keunikan untuk dikaji. Ini berikutan keindahan estetikanya yang dapat dilihat dari kepelbagaian struktur

garisan dalam saiz yang berbagai-bagai serta corak berpetak-petak yang berwarna warni yang melatari kain tersebut. Pemilihan kain pelikat sebagai inspirasi pembuatan corak baharu kain pelikat secara tidak langsung juga dapat mengentengahkan seni dan warisan tekstil Melayu serta membuktikan bahawa corak kain pelikat merupakan idea unik dalam mempelbagaikan corak pada busana berasaskan batik. Justeru, untuk merungkai keunikan sarung pelikat, analisis kajian ini merangkumi perihal melihat keindahan nilai estetik pada rekacorak kain pelikat terutamanya pada keunikan-keunikan elemen garisan yang mendasari latar corak tekstil tersebut.

Menurut Adilah Jusof dan Fazilah Husin (2016), busana merujuk kepada seluruh pemakaian yang merangkumi gambaran pakaian, perhiasan serta peralatan atau kelengkapan. Menurut sumber dari *Oxford Illustrated Dictionary* (1975: 192), busana ditakrifkan sebagai “*Mode or fashion of personnel attire and dress of a particular nation, class or period, complete set of outer garments, jewellery, artificial or semiprecious jewellery worn as fashion accessory i.e. provide with costume*”..

## **1.2 Kain pelikat sebagai busana Melayu**

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1996), busana diertikan sebagai “sesuatu yang dipakai.” Kenyataan tersebut selari dengan Kamus Melayu Nusantara (2003: 412) yang mendefinisikan bahawa busana itu sebagai pakaian dan juga perhiasan. Manakala Siti Zainon Ismail (2004) pula menyatakan bahawa istilah busana berasal daripada bahasa Jawa Sanskrit yang bererti berpakaian lengkap dengan perhiasan yang sempurna dan indah dipandang.

Busana asas bagi lelaki adalah terdiri daripada baju dan kain sarung. Busana yang lebih formal adalah terdiri daripada baju, seluar panjang dan juga kain sarung. Kain sarung yang dipakai dipinggang dikenali sebagai sampin yang berasal dari bahasa Sunda (Azah Aziz, 2006). Secara tradisinya busana formal bagi kaum lelaki tidak akan lengkap jikalau tidak disertakan dengan kain sarung atau sampin. Kain pelikat bukan sahaja sesuai dipakai oleh golongan lelaki malah kaum perempuan mengikut peredaran zaman.

Kain pelikat jika dilihat dari sudut fungsi adalah merupakan busana yang dijadikan pakaian dan juga perhiasan. Contohnya, kain pelikat ini dipakai dengan melilit pada bahagian bawah badan untuk melengkapi konsep pengayaan dalam masyarakat Melayu tradisi dan agak berbeza-beza caranya mengikut golongan sama ada bangsawan atau rakyat marhain. Kain pelikat juga terkenal dipakai sebagai selempang, sampin, tengkolok dan lain-lain lagi. Ia digayakan mengikut situasi dan disesuaikan dengan tujuan pemakaiannya. Di samping itu, pemakaian kain pelikat perlu dipakai mengikut komposisi atau reka letak corak pada struktur kainnya yang mempunyai dua bahagian struktur yang utama iaitu bahagian badan kain dan bahagian kepala kain. Corak pada bahagian badan kain pelikat dan bahagian kepala kain pelikat adalah berbeza antara satu sama lain. Ini bagi membezakan kedudukan corak dan cara ia akan dipakai, di mana bagi kaum lelaki kepala kain dipakai pada bahagian belakang bagi menutupi pinggul, manakala selebihnya bahagian badan kain pelikat pula dililit pada bahagian badan. Kain pelikat ini mempunyai beraneka reka corak yang mana rekaan coraknya berasaskan kotak diinovasikan mengikut peredaran reka corak masa kini. Kain pelikat juga dilihat merupakan busana yang selesa dipakai sebagai pakaian harian mahupun sebagai pakaian dalam beribadat bagi orang Islam.

## **2. Reka Corak Batik Kontemporari Berinspirasi Sarung Pelikat**

Keistimewaan batik dapat dilihat dari dua sudut yang utama iaitu keistimewaan batik sebagai salah satu teknik mencorak tekstil, dan keistimewaan tiap-tiap satu variasi teknik batik. Menurut *Dictionary of Scientific and Technical Terms* (1978) pula, istilah 'batik' mengandungi dua konotasi iaitu, (1) teknik mencorak yang digolongkan ke dalam teknik *resist*, dan (2) kain yang dicorakkan dengan teknik yang berkenaan iaitu teknik batik. Di samping teknik batik, teknik ikat dan teknik pelangi termasuk teknik teritik juga tergolong ke dalam teknik *resist*. Asas kepada ketiga-tiga teknik ini adalah sama. Sesuatu bahan yang digunakan itu bertindak sebagai ejen bagi menghalang (*resist*) warna pencelup mengenai bahagian-bahagian yang akan memaparkan corak atau motif.

Justeru, gabung jalin corak batik kontemporari yang berinspirasi reka corak kain sarung pelikat merupakan suatu inovasi yang dapat menyerlahkan keunikan warisan Melayu seterusnya dapat mengenegahkan kedua-dua jenis tekstil Melayu sebagai hasil seni yang kreatif. Oleh hal yang demikian, inovasi rekaan corak batik berinspirasi kain sarung pelikat dapat menambah nilai estetika busana

Melayu dan secara tidak langsung dapat memugarkan seni warisan Melayu agar tidak hilang ditelan zaman.

Menurut Siti Zainon (2009), busana Melayu tidak terbatas kepada pemakaian kain dan baju sahaja tetapi adalah sebagai kelengkapan adat istiadat masyarakat untuk memenuhi kehidupan, nilai, norma dan keindahan budaya. Norma-norma ketekunan, keberadaban dan keikhlasan dapat dilihat di dalam proses penghasilan sesuatu kraf dan karya seni.

Mengikut kamus Dewan Edisi ke-4, kontemporari bermaksud pada masa yang sama, semasa atau masa kini. Seni kontemporari ialah seni hari ini, di mana seniman kontemporari dalam apa jua bidang bekerja dalam dunia yang berpengaruh secara global, budaya, dan teknologi dengan mengkombinasikan pelbagai bahan, kaedah, konsep, dan subjek yang merentasi sempadan dan kebiasaan. Justeru dalam rekaan corak batik kontemporari, pereka boleh memilih apa jua sumber sebagai inspirasi untuk menghasilkan reka corak-reka corak kreatif.

Reka corak batik kontemporari tidak dinafikan telah mendominasi pasaran dan permintaan terhadap kain batik. Ini berlaku disebabkan beberapa faktor antara lainnya perubahan citarasa masa kini masyarakat yang lebih gemarkan corak yang lebih abstrak, minimal mahupun kasual berbanding reka corak batik tradisional yang sarat dengan motif flora dan fauna. Reka corak kontemporari juga lebih relevan bagi golongan muda yang lebih menggemari gaya santai dan kasual. Fungsi kain batik bercorak kontemporari juga dilihat lebih meluas kerana ia bukan sahaja dapat dijadikan sebagai pakaian malah turut diinovasikan produk-produk komersil seperti produk kemasan lembut, hiasan dalaman dan produk kraf.

### **3. Konsep Am Reka Corak dan Metodologi Penghasilan Batik Berinspirasi Sarung Pelikat**

Garis adalah elemen utama yang ditonjolkan bagi menjelaskan lagi maksud pertindanan warna pada corak pelikat. Ini kerana jika dilihat pada reka coraknya, maka didapati bahawa reka corak kain pelikat adalah dihasilkan melalui dua jenis garisan iaitu garisan menegak dan garisan mendatar yang seterusnya membentuk rupa kotak dan corak geometri serta menghasilkan pertindanan warna bila mana berlaku persilangan antara keduanya. Ciri-ciri utama reka corak kain pelikat ini adalah ia terdiri dari elemen garisan menegak (*vertical line*) dan mendatar (*horizontal line*) iaitu identiti penting dalam reka corak kain pelikat. Garisan-garisan ini membentuk corak melalui saiz garisan yang berbeza-beza. Pertindanan garisan menegak dan mendatar ini pula membentuk corak geometri dan berkotak-kotak segi empat tepat dengan tona-tona warna yang berbeagai.

Kain pelikat secara tradisinya dihasilkan melalui teknik tenunan tangan dan teknik cetakan. Dalam teknik tenunan, kain pelikat dihasilkan dengan menggunakan benang loseng dan benang pakan. Garisan menegak pada kain pelikat itu adalah merujuk kepada benang loseng manakala garisan mendatar merujuk pula kepada benang pakan. Oleh itu, reka corak kain pelikat itu adalah bergantung kepada warna serta kuantiti banyak dan sedikitnya benang loseng yang digunakan oleh penenun yang akan membentuk corak garisan menegak manakala corak garisan mendatar pula ditentukan oleh warna serta kuantiti benang pakan yang digunakan oleh penenun semasa menenun kain pelikat tersebut. Kedua-dua elemen garisan ini juga menentukan warna yang terhasil. Sebagai contoh, jika garisan menegak (benang loseng) adalah berwarna kuning digunakan serta ditunen bertindan dengan garisan mendatar (benang pakan) yang berwarna biru, maka akan terhasillah reka corak berkotak berwarna hijau. Dalam teknik cetakan juga kain pelikat dihasilkan melalui konsep yang sama, cuma bezanya adalah kain itu dicetak dan bukan ditunen.

Pada masa kini, pengeluaran kain pelikat telah dibuat dengan menggunakan mesin tenunan berteknologi tinggi yang lebih produktif dan menghasilkan corak yang lebih pelbagai dan unik. Walau bagaimanapun elemen garisan dan kotak tetap dilihat kekal sebagai identiti utama reka corak kain pelikat.

Metodologi pengkaryaan bermula dengan memilih corak-corak daripada beberapa kain pelikat yang berbeagai tona dan komposisi corak. Corak-corak yang diilhamkan dari garisan-garisan ini kemudiannya dilakar pada kertas sebelum dilukis pada kain kapas dan sutera bagi menghasilkan batik. Proses seterusnya diteruskan dengan proses mencanting dan mewarna kain tadi secara bertindan dan berulang-ulangan bagi menghasilkan kesan tindanan garisan dan warna. Teknik yang diguna adalah

teknik batik yang menggunakan cantingan lilin, beserta tindanan warna atau *overlapping* di mana warna-warna ketiga dan keempat dapat dihasilkan secara langsung melalui konsep tindanan tadi.

Reka corak diilhamkan daripada elemen garisan menegak (*vertical line*) dan mendatar (*horinzontal line*) iaitu identiti penting dalam reka corak kain pelikat. Garisan-garisan ini membentuk corak beridentiti kain pelikat melalui saiz garisan yang berbeza-beza. Pertindanan garisan menegak dan mendatar ini juga membentuk corak gemoteri dan berkotak-kotak segi empat tepat seperti yang dinyatakan sebelum ini. Penggunaan fabrik adalah dipillih dari jenis kapas, sutera '*jacuard*' dan sutera '*chiffon*'. Kain yang telah siap melalui proses membatik yang lengkap seterusnya dijahit dan dijadikan sebagai produk kemasan lembut dan hiasan dalaman termasuklah produk sarung bantal, sarung kusyen, langsir, cadar dan alas meja.





#### **4. Penutup**

Rekaan batik kontemporari berinspirasikan kain pelikat adalah ciptaan baharu dan tidak pernah dihasilkan oleh mana-mana pereka di Malaysia atau antarabangsa. Pengkaji berpendapat, elemen keunikan kain pelikat ini harus diketengahkan dalam rekaan hiasan dalaman batik selari dengan cetusan idea yang tidak mengenal batas dalam dunia rekaan hiasan global masa kini yang sentiasa menuntut pereka berfikir secara lebih kreatif dan inovatif.

Corak batik sarung pelikat merupakan suatu paradigma dan inovasi yang mampu mengantarabangsakan seni warisan Melayu. Estetika seni corak batik sarung pelikat mampu menarik minat para pencinta batik di Malaysia dan persada antarabangsa. Seiring dengan aliran rekaan batik global semasa yang abstrak, berwarna-warni dan kontemporari. Adalah diharapkan batik pelikat ini dapat dipopularkan penggunaannya serta menjadi pilihan untuk digayakan oleh masyarakat dunia. Secara tuntas, pelikat merupakan warisan yang harus dihargai agar budaya dan kesenian Melayu ini tidak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas.

## **Rujukan**

- Abdullah, J.A.S (1990). Batik: Sejarah dan Keistimewaan Tekniknya. *Akademika*, 37, 73 - 90.
- Adilah Jusoh & Fazilah Husin. (2016). Makna Dan Fungsi Busana Dalam Naskhah Melayu Syair Agung (The Meaning And Function Of Apparels In Syair Agung Malay Manuscript). *Journal of Business and Social Development*, 4(2), 58-75. ISSN: 2289-2915.
- Azah, A. (2006). *Rupa dan Gaya Busana*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dictionary of Scientific and Technical Terms (Second Edition)*. (1978). McGraw Hill Book Company
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Melayu Nusantara*. (2003). Dewan Bahasa dan Pustaka
- Lias, H., Ismail, A. R., & Abd Hamid, H. (2020). Malaysia Textile Craft Industry: Innovation Inspired by Bamboo for Batik Block Contemporary Design. In *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, 549(1). IOP Publishing.
- Mohd. Rosli Saludin. (2004, April 13). *Citra Busana dalam Teromba*. [Pembentangan Seminar]. Seminar Busana Melayu Serumpun, Melaka.
- Saaid, M (1992). Kain Pelikat Tradisi Berzaman. In. *Adat Resam dan Kepercayaan Jilid 1*. Universiti Malaya.
- Siti Zainon Ismail. (2004, April 13). *Seni Hias dalam Upacara Istiadat 'Kerajaan Melayu' Melaka Sorotan Tatarias Busana*. Seminar Busana Melayu Serumpun, Melaka.
- The Oxford Illustrated Dictionary*. (1975). Oxford University Press.
- Zubaidah Shawal. (1994). *Busana Melayu*. Jabatan Muzium dan Antikuiti Malaysia.